

Headline	Jangan cepat salah faham		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	4	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	901 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 30,387
Frequency	Daily	PR Value	RM 91,161




© SABTU 21 JULAI 2012

**BH**



← **Aaron Aziz**  
aaron@aaronaziz.com



# Jangan cepat salah faham

» Aktif dengan program kemasyarakatan antara kaedah **mendekati peminat**

**A**ssalamualaikum semua! Aku yakin ramai yang menunggu ketibaan Ramadan dengan lapang hati dan penuh kegembiraan. Inilah masanya untuk kita merebut peluang dan ruang yang Allah berikan kepada kita melaksanakan segala apa yang disediakan sepanjang Ramadan ini.

Aku mendoakan semoga kita semua diberikan kekuatan, ketabahan dan kesihatan yang berpanjangan. Insha-Allah!

Bagi aku pula, tugas tetap diteruskan dan aku masih dalam perangkaan menghabiskan penggambaran filem *Dampak*, sebuah filem aksi yang bakal ditayangkan di pawagam tahun hadapan. Seperti yang dijanjikan, aku mencuri sedikit masa sewaktu rehat

di set untuk menulis artikel minggu ini.

Sebelum itu, aku ingin mengucapkan terima kasih pada semua yang sudi meluangkan masa untuk membaca artikel pertama yang di paparkan dalam *BH*, dua minggu lalu.

Baru sebentar tadi aku terbaca di internet tentang isu teman artis yang memabatkan diri dalam tugas amal dan tidak kurang juga mereka yang dilanda kontroversi. Tiba-tiba sahaja hati ini terpanggil untuk mengupas sedikit tentang 'hitam putih' kehidupan sebagai seorang anak seni ataupun sebagai artis.

Mungkin ramai yang melihat industri hiburan sebagai pekerjaan 'mudah' dan kalau dilihat daripada mata kasar, ia adalah pekerjaan yang penuh glamor dan

bergaya. Apa yang mungkin tidak dilihat adalah kepayahan dan kejerihan yang terpaksa seorang artis itu lalui.

Perjalanan dan kehidupan harian bukan semudah yang dijangkakan terutama apabila berhadapan di khalayak. Daripada pengalamanku sebagai seorang artis, aku harus mendisiplinkan diri dan bersabar kerana banyak tohmahan dan andaian yang harus aku lalui ketika berhadapan khalayak.

Aku sedar bahawa akan ada yang suka dengan aku dan tidak kurang mereka yang membenci tanpa sebab. Aku sedar bahawa ramai mata yang memandang dan setiap gerak geri aku dipantau dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Bagi pengalamanku sendiri, peminat adalah

segala-galanya dan harus dilayan dengan baik kerana mereka adalah salah satu tonggak kekuatan dan yang terpenting dalam kerjaku dan aku tidak ingin sekali menghampakan mereka.

Walaupun penat aku akan tetap lmparkan senyuman dan beramah mesra dengan peminat. Pada masa yang sama, seperti manusia yang lain, aku inginkan privasi dan masa untuk bersendirian. Itu bukan bermakna aku seorang yang sombong atau mengada-ngada. Apabila ada segelintir orang yang membuat tohmahan sebegitu, mulalah kritikan yang terpaksa aku terima sedangkan aku cuba memberikan yang terbaik dan termampu. Sebagai manusia biasa, ada masanya memang aku rasa terkilan mendengar kritikan negatif seperti itu dan tidak mampu membuat apa-apa melainkan bersabar dan mendiamkan diri.

Aku tidak nafikan bukan mudah untuk memuaskan hati setiap orang. Ada juga yang membandingkan artis di Malaysia dengan artis Barat, Korea mahupun Jepun. Artis mereka lebih bersikap eksklusif dan tidak mahu dilihat dan akan mengelakkan diri daripada khalayak. Mungkin etika atau budaya ini sudah lama diterapkan dalam industri hiburan di sana dan dapat diterima tetapi di Malaysia, peminat ingin melihat artis kegemaran mereka lebih bersikap santai.

Sebagai seorang artis, aku menggunakan pelbagai kaedah dan media sosial yang lain di internet seperti Facebook atau Twitter sebagai platform untuk berada lebih dekat dengan peminat. Dengan adanya platform seperti ini, aku dapat menceritakan dan berkongsi dengan mereka gambar, aktiviti harian dan berita terkini.

Aku berpendapat bahawa kaedah seperti ini sangat baik untuk seseorang itu menguar-uarkan sesuatu maklumat atau berita yang positif. Aku tidak rasa rugi dalam perjuangan menyebarkan maklumat positif kepada masyarakat. Tetapi malangnya, aku tidak dapat memuaskan hati semua, ada juga yang mempertikaikan dan membidas setiap apa yang aku nyatakan dalam halaman tersebut.

Mungkin ramai yang menyalahertikan mesej yang ingin aku sampaikan. Ada yang menyatakan bahawa aku sengaja atau cuba berbuat baik hanya untuk pihak

atau badan organisasi tertentu, sedangkan niat aku hanyalah untuk berkongsi pada semua dan tiada unsur berat sebelah. Prinsip aku mudah, iaitu untuk menyampaikan nilai positif dan berkongsi sokongan dengan cara atau tanpa apa-apa kepentingan peribadi.

Buat masa ini, aku dan beberapa artis yang lain menyokong kempen United Against Crime atau Bersatu Menentang Jenayah bagi pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) di mana kita akan bersama-sama membasmi masalah dan gejala jenayah di Malaysia.

Tidak lupa juga, organisasi seperti Majlis Aids Malaysia di mana kita bersama-sama memberi semangat pada pesakit AIDS di luar sana untuk terus bersikap positif, tabah dan berikan kekuatan untuk meneruskan kehidupan. Kami ingin menyampaikan mesej 'against stigma, discrimination and negative thinking' (menentang stigma, diskriminasi dan pemikiran negatif) terhadap mereka yang menghidap AIDS. Aku berharap dan amat bersyukur jika pembaca dapat bersama-sama beri sokongan bagi kempen yang mulia ini.

Apa yang ingin aku huraikan dalam corotan kali ini adalah, sebagai artis, ini adalah masanya aku berikan semula pada masyarakat/peminat yang menyokong aku selama ini. Aku akan lakukan yang terbaik dan ingin menyumbang sesuatu dan berbakti pada masyarakat umum tidak kira bangsa, budaya atau agama. Aku bersyukur jika sebagai seorang artis, aku dapat mempengaruhi orang di luar sana untuk beramal dan membuat sesuatu perkara yang baik dengan menyokong segala niat murni daripada sesiapa sekalipun.

Secara jujur dan ikhlas, aku menggunakan wadah seperti ini untuk membantu dan juga berkongsi pada semua tanpa niat untuk menunjuk-nunjuk atau sengaja ingin mencari publisiti. Aku sentiasa percaya bahawa jika niat kita baik dan ikhlas, Allah akan memudahkan lagi perjalanan dan perjuangan kita bersama.

Sampai di sini artikel aku buat masa ini. Kita akan berjumpa lagi jika berkesempatan. Selamat berpuasa dan semoga Allah SWT memberkati amalan kita semua di bulan yang suci ini. Insha-Allah.

“**AKU AKAN LAKUKAN YANG TERBAIK DAN INGIN MENYUMBANG SESUATU DAN BERBAKTI PADA MASYARAKAT UMUM TIDAK KIRA BANGSA, BUDAYA ATAU AGAMA**”